

Islam makin berkembang di China

Kebebasan beragama dibenar selagi tidak menentang kerajaan



DR SITI SURIANI
OTHMAN

Ada hadis sahih menyebut bahawa 'tuntutlah ilmu walaupun sehingga ke negara China'. Begitulah pentingnya Islam melihat China dan ilmu yang ada padanya sehingga umat Islam digalakkan belajar daripada tamadun itu. Hari ini, kita sendiri melihat agama Islam diangkat sebagai salah satu agama yang diiktiraf oleh Kerajaan China.

Walaupun pada asalnya China menghalang segala bentuk unsur keagamaan masuk ke negaranya tetapi hari ini parti Komunis membenarkan kaum Hui iaitu kaum majoriti Islam di China mengikuti pembelajaran agama selepas sekolah menengah di bawah seliaan seorang Imam.

Kaum Hui dianggarkan mencapai bilangan lebih 10 juta orang, menjadikan mereka hampir 50 peratus jumlah keseluruhan Cina Muslim di China. Ini diikuti oleh kaum Uighur dengan 8.3 juta orang atau 41 peratus dan Kazakh dengan 1.25 juta orang atau 6.1 peratus.

Ikut salasilah keluarga

Menurut Pusat Kajian Pew pada tahun 2009, ada 21, 667, 000

orang Islam di China atau 1.6 peratus daripada keseluruhan populasi China. Di sini, majoriti Cina Muslim adalah Sunni.

Majoriti umat Islam Cina di sini beragama berdasarkan salasilah keluarga dan tidak ramai ahli masyarakat yang memeluk Islam. Kawasan utama yang didiami umat Islam di China adalah Xinjiang dan beberapa kawasan lain seperti Ningxia, Gansu dan Qinghai.

Berdasarkan legenda tradisional Cina Muslim di China, Islam diperkenalkan di China oleh sahabat Nabi seperti Sa'd ibn Abi Waqqas, Sayid, Wahab ibn Abu Kabcha dan beberapa yang lain.

Selepas kejatuhan Dinasti Qing, Sun Yat-Sen menubuhkan Republik Rakyat China dan mengumumkan bahawa negara ini dipunyai oleh golongan Han, Man (Manchu), Meng (Mongol), Hui (Islam), Tsang (Tibet) dan Miao.

Menariknya, ketika dalam pemerintahan parti Kuomintang, parti itu melantik askar perang dan ketuanya dari keluarga Ma yang beragama Islam. Bai Chongxi adalah Jeneral bagi Kementerian Pertahanan China dan beragama Islam.

Mungkin juga perkembangan sejarah itu mempengaruhi perkembangan Islam di China hari ini. Hari ini, banyak masjid yang terbina di China, yang menunjukkan kespantasan agama ini.

Berdasarkan Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa pada tahun 2013, dianggarkan 36,000 tempat beribadah Islam di China, dengan 10 sekolah Islam di China.

Angka ini sekurang-kurangnya menunjukkan wujudnya kebebasan beragama di China, mungkin dengan pandangan, selagi agama itu tidak memudaratkan keharmonian China dan pemerintah.

Masjid Xiamen sendiri misalnya, dihabarkan oleh imamnya akan membina masjid baharu yang lebih besar dan dijangka siap

kurang dari lima tahun andainya dana mencukupi.

Kebebasan beragama

Tanah pembinaan masjid ini diberikan secara percuma oleh kerajaan, menunjukkan dari satu aspek, kerajaan China tidak menentang kebebasan beragama termasuk Islam tetapi dengan had tertentu seperti jangan 'menderhakai' kerajaan dengan cara

memberontak atau merancang keluar dari China.

Inilah masalah yang dilihat oleh Kerajaan China dalam kalangan kaum Uighur yang kini dilihat dunia sedang berada dalam kekejaman Kerajaan China kerana ditindas dan tidak boleh mengamalkan Islam dengan bebas.

Menurut laporan majalah *Time* pada tahun 2014, tekanan yang diberikan oleh kerajaan ini adalah kerana kaum Uighur yang bersifat 'menentang' dan mempunyai agenda pemisahan dengan China.

Kaum Hui pula, tidak diganggu kerajaan kerana tidak menimbulkan huru-hara dalam negara dan tiada gerakan pemisah. Maka, di mata kerajaan China, umat Islam Hui adalah mereka yang 'terpilih' kerana tidak mengancam kerajaan, maka mereka dibenarkan menjalankan aktiviti keagamaan dengan bebas. Namun, golongan Uighur pula sebaliknya kerana dilihat mempunyai elemen penganas.

Penulis

ialah Profesor Pelawat, Sekolah Kewartawanan dan Komunikasi, Xiamen University, China yang juga Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia